

**Embargo sehingga jam 1200,
Jumaat, 3 Januari 2020**

PERANGKAAAN PERDAGANGAN LUAR MALAYSIA

PRESTASI PERDAGANGAN LUAR BAGI BULAN NOVEMBER 2019 DAN TEMPOH JANUARI-NOVEMBER 2019 #

Lebih Dagangan Januari-November Tertinggi Sejak 2009

Lebih dagangan Malaysia pada bulan Januari hingga November 2019 bernilai RM124.74 bilion, meningkat sebanyak 10.6% berbanding RM112.82 bilion yang dicatatkan untuk tempoh yang sama tahun 2018. Ini merupakan lebih dagangan terbesar yang direkodkan untuk tempoh Januari hingga November sejak 2009.

Berlatarbelakangkan keadaan ekonomi global yang mencabar dan ketegangan perdagangan yang berterusan, jumlah perdagangan Malaysia sejak 11 bulan yang lalu menyusut 3% kepada RM1.675 trilion. Perdagangan yang lebih rendah dicatatkan dengan Singapura, Hong Kong SAR, Perancis, Jepun dan Thailand. Walau bagaimanapun, peningkatan perdagangan direkodkan dengan Amerika Syarikat (AS), Emiriah Arab Bersatu (UAE), Filipina dan United Kingdom (UK). Eksport pada tempoh ini mencatatkan penurunan 2.1% kepada RM899.93 bilion dan import berkurang 3.9% kepada RM775.19 bilion.

Jumlah perdagangan pada November 2019 menurun 4.6% tahun ke tahun kepada RM155.06 bilion. Perdagangan yang lebih rendah direkodkan dengan Singapura, Hong Kong SAR, Thailand, Taiwan dan Perancis manakala peningkatan perdagangan dicatatkan dengan China, AS, UAE dan UK. Eksport berjumlah RM80.8 bilion, menyusut 5.5% dan import bernilai RM74.26 bilion, menurun 3.6%.

Lebih dagangan Malaysia pada November 2019 bernilai RM6.54 bilion, turun 23.1% tahun ke tahun berbanding RM8.5 bilion yang dicatatkan pada November 2018. Ini merupakan lebih dagangan yang ke-265 bulan berturut-turut sejak November 1997.

Berbanding Oktober 2019, import Malaysia mencatatkan pertumbuhan 1.4% manakala eksport, jumlah perdagangan dan lebih dagangan masing-masing menyusut 10.8%, 5.4% dan 62.3%.

Prestasi Eksport Sektor Utama

Eksport Beberapa Barangan Mencatatkan Nilai Tertinggi Pada Bulan November

Eksport barangan perkilangan pada November 2019 yang merangkumi 85% daripada jumlah keseluruhan eksport menurun 2.8% kepada RM68.68 bilion. Eksport yang lebih tinggi direkodkan bagi barangan besi dan keluli, barangan optik dan saintifik, barangan makanan diproses serta barangan galian bukan logam. Beberapa barangan mencatat nilai bulanan tertinggi terutamanya barangan makanan diproses, barangan besi dan keluli serta barangan galian bukan logam. Namun begitu, eksport yang lebih rendah dicatatkan bagi barangan elektrik dan elektronik (E&E), keluaran petroleum, kimia dan bahan kimia serta barangan perkilangan logam.

Eksport hasil galian (7.7% syer) turun 28.7% kepada RM6.26 bilion. Ini disebabkan terutamanya oleh penurunan eksport gas asli cecair (LNG), berikutan kuantiti eksport dan nilai unit purata (AUV) yang lebih rendah.

Eksport keluaran pertanian (6.6% syer) menyusut 4.2% kepada RM5.33 bilion, disebabkan terutamanya oleh penyusutan eksport minyak sawit dan keluaran pertanian berasaskan minyak sawit khususnya minyak isirung sawit yang mencatatkan pengurangan 34.3% berbanding November 2018.

Barangan eksport utama pada November 2019:

- Barangan E&E bernilai RM27.59 bilion dan merangkumi 34.1% daripada jumlah eksport, turun 11.6% berbanding November 2018;
- Keluaran petroleum, RM6.18 bilion, 7.7% daripada jumlah eksport, turun 17.2%;
- Kimia dan bahan kimia, RM4.78 bilion, 5.9% daripada jumlah eksport, turun 5.1%;
- Barangan optik dan saintifik, RM3.58 bilion, 4.4% daripada jumlah eksport, naik 11.9%; dan
- Minyak sawit dan keluaran pertanian berasaskan minyak sawit, RM3.58 bilion, 4.4% daripada jumlah eksport, turun 3.5%.

Berdasarkan perbandingan bulan ke bulan, eksport barangan perkilangan, hasil galian dan keluaran pertanian masing-masing menyusut 11.7%, 7.7% dan 4.3%.

Bagi tempoh 11 bulan pertama tahun 2019, eksport barangan perkilangan menurun secara marginal sebanyak 0.8% kepada RM761.15 bilion berbanding tempoh yang sama tahun lalu, disebabkan terutamanya oleh pengurangan eksport barangan E&E, keluaran petroleum dan barangan perkilangan logam. Peningkatan eksport dicatatkan terutamanya bagi barangan besi dan keluli, barangan makanan diproses serta barangan optik dan saintifik. Eksport hasil galian menyusut 9.8% kepada RM73.22 bilion berikutan penurunan eksport petroleum mentah. Namun begitu, eksport petroleum kondensat dan minyak petroleum lain merekodkan peningkatan sebanyak 96.3%. Eksport keluaran pertanian menurun 5% kepada RM59.12 bilion disebabkan terutamanya oleh eksport minyak sawit dan keluaran pertanian berasaskan minyak sawit yang lebih rendah.

Prestasi Perdagangan dengan Pasaran Utama***Pertumbuhan Eksport ke Indonesia dan Filipina Kembali Positif***

Perdagangan dengan ASEAN pada November 2019 menurun 9.2% tahun ke tahun kepada RM41.69 bilion atau merangkumi 26.9% daripada jumlah perdagangan Malaysia. Eksport ke ASEAN berkurang 8.8% kepada RM23.91 bilion, didorong

terutamanya oleh pengurangan eksport barangan E&E, petroleum mentah dan keluaran petroleum. Secara terkumpul barangan ini telah menyumbang 46.2% kepada jumlah eksport ke rantau ini. Namun begitu, eksport barangan besi dan keluli, jentera, kelengkapan dan peralatan, LNG serta kelengkapan pengangkutan merekodkan peningkatan. Import dari ASEAN menyusut 9.6% kepada RM17.78 bilion.

Pecahan eksport ke negara ASEAN:

- Singapura RM11.47 bilion, menurun 12.5%
- Thailand RM4.08 bilion, ↓14.6%
- Indonesia RM3.13 bilion, ↑10.8%
- Viet Nam RM2.98 bilion, ↓11.0%
- Filipina RM1.54 bilion, ↑3.7%
- Myanmar RM372.7 juta, ↑0.6%
- Brunei RM192.9 juta, ↑1.9%
- Kemboja RM140.6 juta, ↑20.5%
- Lao PDR RM3.5 juta, ↓1.0%

Eksport ke pasaran utama ASEAN yang merekodkan peningkatan adalah **Indonesia** dan **Filipina**. Eksport ke kedua-dua negara tersebut mencatatkan peningkatan setelah merekodkan penurunan tahun ke tahun berturut-turut selama 2 bulan atau lebih. Pemulihan ini adalah berikutan peningkatan eksport keluaran petroleum bagi Indonesia dan barangan besi dan keluli (Filipina).

Berbanding Oktober 2019, perdagangan, eksport dan import masing-masing mencatatkan pengurangan 9.2%, 10.4% dan 7.6%.

Pada Januari hingga November 2019, perdagangan dengan ASEAN menyusut 4.7% kepada RM448.06 bilion berbanding tempoh yang sama tahun lalu. Eksport ke rantau ini berjumlah RM259.71 bilion, turun 1.5% disebabkan oleh eksport yang lebih rendah bagi keluaran petroleum, petroleum mentah dan barangan E&E. Peningkatan eksport pula direkodkan bagi barangan besi dan keluli, jentera, kelengkapan dan peralatan serta LNG. Import menurun 8.8% kepada RM188.35 bilion.

Eksport ke China Naik 4.1%

Pada November 2019, perdagangan dengan China yang mewakili 18.8% daripada jumlah perdagangan Malaysia atau RM29.12 bilion, naik 8.2% tahun ke tahun. Eksport ke China mencatatkan peningkatan 4.1% kepada RM12.55 bilion, setelah merekodkan penurunan tahun ke tahun bagi 3 bulan berturut-turut sejak Ogos 2019. Ia didorong oleh peningkatan eksport barangan besi dan keluli, barangan optik dan saintifik, minyak sawit dan keluaran pertanian berasaskan minyak sawit serta barangan makanan diproses. Import dari China tumbuh 11.5% kepada RM16.57 bilion.

Berdasarkan perbandingan bulan ke bulan, perdagangan dan import naik 6% dan 19.5%, manakala eksport menyusut 7.7%.

Perdagangan dengan China pada tempoh Januari hingga November 2019 berjumlah RM285.57 bilion, menurun secara marginal sebanyak 0.7% berbanding tempoh yang sama tahun 2018. Eksport ke China menyusut 1.3% kepada RM125.94 bilion, disebabkan oleh penurunan eksport barangan E&E, keluaran petroleum dan petroleum mentah. Namun begitu, perkembangan eksport dapat dilihat bagi barangan besi dan keluli, LNG, barangan kertas dan palpa serta minyak sawit dan keluaran pertanian berasaskan minyak sawit. Import dari China mencatatkan penurunan marginal sebanyak 0.2% kepada RM159.63 bilion.

Eksport Tahun ke Tahun Bagi ke AS Meningkat Bagi 8 Bulan Berturut-turut

Perdagangan dengan AS pada November 2019 yang merangkumi 9.2% daripada jumlah perdagangan Malaysia meningkat 10.6% kepada RM14.2 bilion. Eksport ke AS terus meningkat bagi 8 bulan berturut-turut dengan peningkatan 6.5% tahun ke tahun kepada RM7.83 bilion pada November 2019. Eksport yang lebih tinggi direkodkan bagi barangan perkilangan terutamanya barangan kayu, barangan optik dan saintifik, barangan E&E, barangan galian bukan logam serta barangan perkilangan berasaskan minyak sawit. Import dari AS naik sebanyak 16.1% kepada RM6.37 bilion.

Berbanding Oktober 2019, import dari AS meningkat 1.7%, manakala perdagangan dan eksport masing-masing menyusut 6.2% dan 11.7%.

Bagi tempoh 11 bulan pertama tahun 2019, perdagangan dengan AS naik 5.3% kepada RM149.59 bilion berbanding tempoh yang sama tahun lalu. Eksport meningkat 4.6% kepada RM86.7 bilion disumbangkan oleh peningkatan eksport barangan E&E, barangan kayu, barangan perkilangan plastik, barangan makanan diproses dan barangan galian bukan logam. Import dari AS berkembang 6.3% kepada RM62.9 bilion.

EU – Eksport ke Poland Bernilai RM175.7 Juta, Tertinggi Sejak Januari 2019

Perdagangan dengan Kesatuan Eropah (EU) yang menyumbang 8.8% kepada jumlah perdagangan Malaysia mencatatkan pengurangan 9.5% tahun ke tahun kepada RM13.72 bilion. Eksport berjumlah RM7.19 bilion, menyusut 4.3% berikutan penurunan eksport barangan E&E, barangan perkilangan logam serta minyak sawit dan keluaran pertanian berasaskan minyak sawit. Sementara itu, peningkatan eksport dapat dilihat bagi jentera, kelengkapan dan peralatan, tekstil, pakaian dan kasut serta keluaran getah. Secara keseluruhan, barangan ini meningkat 21.7% berbanding November 2018. Import dari EU bernilai RM6.52 bilion, berkurang 14.5%.

Antara 10 pasaran utama EU yang menyumbang 90.6% daripada jumlah eksport Malaysia ke EU, eksport ke 4 negara mencatatkan kenaikan iaitu **UK** (↑13.8%), **Poland** (↑15.4%), **Republik Czech** (↑13.6%) dan **Hungary** (↑4.3%). Eksport ke Poland pada November mencatat nilai tertinggi pada 2019 dengan jumlah eksport sebanyak RM175.7 juta.

Berbanding Oktober 2019, import naik 4.8%, manakala perdagangan dan eksport masing-masing turun sebanyak 4.4% dan 11.4%.

Perdagangan dengan EU bagi 11 bulan pertama tahun 2019 menurun 4.9% kepada RM160.23 bilion. Eksport bernilai RM88.14 bilion, jatuh 2.8% disebabkan oleh pengurangan eksport barangan perkilangan logam, minyak sawit dan keluaran

pertanian berasaskan minyak sawit serta kimia dan bahan kimia. Peningkatan eksport direkodkan bagi jentera, kelengkapan dan peralatan, barangan E&E serta keluaran petroleum. Import dari EU berkurang 7.4% kepada RM72.09 bilion.

Jepun – Eksport LNG yang Lebih Rendah, Jumlah Perdagangan Menurun 7.1% Tahun ke Tahun

Pada November 2019, perdagangan dengan Jepun yang menyerap 6.9% daripada jumlah perdagangan Malaysia menyusut 7.1% tahun ke tahun kepada RM10.67 bilion. Eksport berjumlah RM5.04 bilion, menurun 16% berikutan pengurangan eksport LNG, barangan kayu dan barangan E&E. Peningkatan eksport direkodkan bagi petroleum mentah, barangan perkilangan logam, barangan kertas dan palpa serta barangan optik dan saintifik. Barangan ini secara keseluruhan telah berkembang sebanyak 51.7% kepada RM616.7 juta. Import dari Jepun naik 2.5% kepada RM5.64 bilion.

Berdasarkan perbandingan bulan ke bulan, import meningkat 0.6%, manakala perdagangan dan eksport berkurang 3.1% dan 7%.

Bagi tempoh Januari hingga November 2019, perdagangan dengan Jepun turun 4.4% kepada RM117.29 bilion berbanding tempoh yang sama tahun 2018. Eksport bernilai RM59.93 bilion, penurunan sebanyak 6.7% disebabkan oleh eksport yang lebih rendah bagi LNG, barangan kayu, barangan E&E serta barangan optik dan saintifik. Peningkatan eksport direkodkan bagi kelengkapan pengangkutan, barangan makanan diproses serta tekstil, pakaian dan kasut. Barangan ini secara keseluruhan meningkat 19.4% kepada RM3.44 bilion. Import dari Jepun berkurang 1.9% kepada RM57.35 bilion.

Perdagangan dengan Rakan Dagang FTA – Eksport ke Turki Mencatatkan Pertumbuhan Dua Digit

Pada November 2019, perdagangan dengan rakan dagang Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) yang merangkumi 64% daripada jumlah perdagangan Malaysia berkurang 4.2% tahun ke tahun kepada nilai RM99.2 bilion. Eksport ke negara rakan

dagang FTA bernilai RM51.18 bilion, penurunan sebanyak 6.6% dan import berjumlah RM48.02 bilion, menyusut 1.5%.

Peningkatan eksport direkodkan ke **Turki**, sebanyak 16% kepada RM563.1 juta terutamanya berikutan peningkatan eksport minyak sawit dan keluaran pertanian berasaskan minyak sawit, **Kemboja** (↑20.5% kepada RM140.6 juta, barangan besi dan keluli) dan **New Zealand** (↑2.7%, RM358.2 juta, barangan perkilangan berasaskan minyak sawit).

Berbanding bulan sebelumnya, import meningkat 0.7%, manakala perdagangan dan eksport masing-masing merekodkan penurunan 3% dan 6.3%.

Perdagangan dengan rakan dagang FTA bagi tempoh 11 bulan pertama tahun 2019 yang merangkumi 62.2% daripada jumlah perdagangan Malaysia bernilai RM1.043 trilion, turun 3.3%. Eksport berjumlah RM551.79 bilion, menyusut 2.7% manakala import bernilai RM490.89 bilion, berkurang 3.9% berbanding tempoh yang sama tahun lalu.

Prestasi Import

Jumlah import bagi bulan November 2019 menyusut 3.6% kepada RM74.26 bilion berbanding RM77.05 bilion pada November 2018. Tiga kategori utama import mengikut penggunaan akhir yang merangkumi 77.5% daripada jumlah keseluruhan import adalah:

- **Barang pengantara**, berjumlah RM40.99 bilion atau 55.2% syer daripada jumlah import, meningkat 1.8%, berikutan peningkatan import alat ganti dan aksesori barang modal (kecuali kelengkapan pengangkutan) terutamanya alat ganti jentera dan kelengkapan elektrik;
- **Barang modal**, bernilai RM9.79 bilion atau 13.2% daripada jumlah import, turun 4.3%, disebabkan terutamanya oleh import yang lebih rendah bagi kelengkapan pengangkutan bagi kegunaan industri khususnya pesawat dan alat ganti; dan

- **Barang penggunaan**, berjumlah RM6.76 bilion atau 9.1% daripada jumlah import, meningkat 1.9%, berikutan kenaikan import makanan dan minuman utama untuk penggunaan isi rumah terutamanya ikan dan hidupan laut.

Bagi tempoh Januari hingga November 2019, import bernilai RM775.19 bilion, menyusut 3.9% berbanding tempoh yang sama tahun 2018. **Barang pengantara** berjumlah RM425.32 bilion, meningkat 0.6%, **barang modal** (RM91.71 bilion, ↓10.8%) dan **barang penggunaan** (RM67.19 bilion, ↑1.1%).

Nota:

Perlu diambil perhatian bahawa dari segi konsep, angka eksport dan import dalam perangkaan perdagangan luar negeri adalah berbeza daripada apa yang terdapat dalam akaun barangan untuk perhitungan imbalan pembayaran. Penyusunan perangkaan perdagangan antarabangsa biasanya dibuat berdasarkan rekod kastam yang mencerminkan pergerakan barangan fizikal dari satu sempadan ke sempadan yang lain, dan mengikut garis panduan antarabangsa mengenai konsep-konsep dan definisi-definisi contohnya International Merchandise Trade Statistics: Concepts and Definitions 2010 (IMTS 2010) yang berbeza dengan prinsip-prinsip Sistem Akaun Negara (SNA) dan perhitungan Imbalan Pembayaran (BOP). Dalam SNA, barangan didefinisikan sebagai "barangan fizikal yang ada permintaan dan di mana hak milik boleh dikenal pasti serta hak miliknya boleh dipindahkan dari satu institusi ke institusi lain melalui pasaran".

Ini adalah keluaran awalan, keterangan terperinci akan diterbitkan dalam laporan "PERANGKAAAN PERDAGANGAN LUAR NEGERI BULANAN" yang akan dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, untuk kegunaan umum pada jam 1200, Jumaat, 3 Januari 2020 dan boleh dimuat turun melalui eStatistik di portal Jabatan Perangkaan Malaysia (<https://newss.statistics.gov.my/newss-ortalx/ep/epLogin.seam>).

+ Siaran media ini boleh diakses daripada portal Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (<http://www.miti.gov.my>) dan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (<http://www.matrade.gov.my>).

Data bulan November 2019 adalah provisional dan tertakluk kepada semakan/pindaan dalam keluaran berikutnya.

Mulai bulan rujukan April 2018, pemilihan kod untuk eksport dan import bagi minyak sawit dan keluaran berasaskan minyak sawit telah dikaji semula serta dikemaskini untuk lebih mewakili barangan tersebut, dan ini telah menyebabkan sedikit perubahan pada data.

Rakan dagang FTA terdiri daripada China, Singapura, Jepun, Thailand, Republik Korea, Indonesia, India, Australia, Viet Nam, Filipina, New Zealand, Turki, Pakistan, Myanmar, Kemboja, Brunei, Chile dan Lao PDR.

JADUAL 1 : RINGKASAN PERDAGANGAN LUAR MALAYSIA

Tahun/ Tempoh	<u>Jumlah Eksport</u> (RM Juta)	<u>Jumlah Import</u> (RM Juta)	<u>Imbangan Perdagangan</u> (RM Juta)	<u>Jumlah Perdagangan</u> (RM Juta)
2018^f				
Januari	83,252.4	73,201.3	10,051.1	156,453.7
Februari	70,552.3	61,416.8	9,135.6	131,969.1
Mac	84,855.7	69,896.7	14,959.0	154,752.4
April	84,636.4	71,373.5	13,262.9	156,009.9
Mei	82,862.0	74,039.6	8,822.4	156,901.6
Jun	78,845.2	72,746.2	6,098.9	151,591.4
Julai	86,474.6	78,349.1	8,125.5	164,823.8
Ogos	81,982.2	80,536.1	1,446.1	162,518.3
September	83,341.9	67,770.9	15,571.0	151,112.9
Oktober	97,122.0	80,270.5	16,851.6	177,392.5
November	85,542.5	77,046.3	8,496.2	162,588.8
Disember	84,119.5	73,156.9	10,962.6	157,276.5
2018 (Jan-Dis)^f	1,003,586.9	879,804.0	123,782.9	1,883,390.9
2019^p				
Januari	85,399.9	73,885.7	11,514.2	159,285.5
Februari	66,599.5	55,543.1	11,056.4	122,142.5
Mac	84,063.2	69,678.9	14,384.2	153,742.1
April	85,155.0	74,345.6	10,809.4	159,500.6
Mei	84,138.2	75,062.7	9,075.5	159,201.0
Jun	76,143.2	65,631.0	10,512.2	141,774.2
Julai	87,958.4	73,682.5	14,275.9	161,640.9
Ogos	81,357.4	70,460.9	10,896.4	151,818.3
September	77,721.3	69,367.2	8,354.0	147,088.5
Oktober	90,594.0	73,268.2	17,325.8	163,862.1
November	80,796.7	74,261.3	6,535.4	155,058.0
Perubahan m-o-m (%)	-10.8	1.4	-62.3	-5.4
Perubahan y-o-y (%)	-5.5	-3.6	-23.1	-4.6
2018 (Jan-Nov) ^f	919,467.3	806,647.1	112,820.3	1,726,114.4
2019 (Jan-Nov)^p	899,926.6	775,187.1	124,739.5	1,675,113.7
Perubahan (%)	-2.1	-3.9	10.6	-3.0

Nota: Jumlah tidak semestinya terhasil disebabkan pembundaran.

JADUAL 2: BARANGAN UTAMA EKSPORT

Barangan	November 2019 ^p	Oktober 2019 ^p	November 2018 ^f	Perubahan m-o-m	Perubahan y-o-y
	RM Juta	RM Juta	RM Juta	%	%
Jumlah Eksport	80,796.7	90,594.0	85,542.5	-10.8	-5.5
Barangan E&E	27,590.4	37,396.9	31,219.4	-26.2	-11.6
Keluaran Petroleum	6,182.9	5,823.1	7,468.3	6.2	-17.2
Kimia & Bahan Kimia	4,777.0	4,955.1	5,032.7	-3.6	-5.1
Barangan Optik & Saintifik	3,584.0	4,027.7	3,202.1	-11.0	11.9
Minyak Sawit & Keluaran Pertanian Berasaskan Minyak Sawit	3,575.4	3,730.4	3,703.5	-4.2	-3.5
Jentera, Kelengkapan & Peralatan	3,530.7	3,443.1	3,326.0	2.5	6.2
Barangan Perkilangan Logam	3,449.8	3,503.9	3,537.2	-1.5	-2.5
LNG	3,214.2	3,626.8	5,016.5	-11.4	-35.9
Barangan Besi & Keluli	2,434.6	1,538.4	1,403.7	58.3	73.4
Keluaran Getah	2,283.2	2,133.7	2,259.6	7.0	1.0

JADUAL 3: PASARAN UTAMA EKSPORT

Pasaran	November 2019 ^p	Oktober 2019 ^p	November 2018 ^f	Perubahan m-o-m	Perubahan y-o-y
	RM Juta	RM Juta	RM Juta	%	%
Jumlah Eksport	80,796.7	90,594.0	85,542.5	-10.8	-5.5
China	12,545.3	13,585.6	12,049.7	-7.7	4.1
Singapura	11,465.5	13,923.6	13,105.0	-17.7	-12.5
AS	7,829.7	8,871.4	7,350.6	-11.7	6.5
Jepun	5,039.6	5,420.2	5,999.0	-7.0	-16.0
Hong Kong SAR	4,684.6	7,400.4	5,936.7	-36.7	-21.1
Thailand	4,078.4	4,906.9	4,777.5	-16.9	-14.6
Indonesia	3,133.8	2,659.5	2,829.3	17.8	10.8
ROK	2,987.5	2,913.1	3,621.0	2.6	-17.5
Viet Nam	2,984.4	3,056.1	3,353.8	-2.3	-11.0
Taiwan	2,777.6	4,240.2	3,131.2	-34.5	-11.3

JADUAL 4: BARANGAN UTAMA EKSPORT (JANUARI - NOVEMBER)

Barangan	Jan-Nov 2019 ^p	Jan-Nov 2018 ^f	Perubahan
	RM Juta	RM Juta	%
Jumlah Eksport	899,926.6	919,467.3	-2.1
Barangan E&E	341,615.7	348,732.1	-2.0
Keluaran Petroleum	64,420.7	71,024.4	-9.3
Kimia & Bahan Kimia	52,035.8	52,355.6	-0.6
Minyak Sawit & Keluaran Pertanian Berasaskan Minyak Sawit	39,133.1	41,775.3	-6.3
Barangan Perkilangan Logam	38,327.2	41,425.6	-7.5
LNG	37,980.2	37,803.0	0.5
Jentera, Kelengkapan & Peralatan	37,761.5	37,272.5	1.3
Barangan Optik & Sainifik	34,926.8	33,317.2	4.8
Petroleum Mentah	23,851.5	33,355.4	-28.5
Keluaran Getah	23,248.6	24,254.2	-4.1

JADUAL 5: PASARAN UTAMA EKSPORT (JANUARI - NOVEMBER)

Pasaran	Jan-Nov 2019 ^p	Jan-Nov 2018 ^f	Perubahan
	RM Juta	RM Juta	%
Jumlah Eksport	899,926.6	919,467.3	-2.1
China	125,938.6	127,549.6	-1.3
Singapura	125,240.0	128,353.9	-2.4
AS	86,695.8	82,915.1	4.6
Hong Kong SAR	61,222.1	68,329.0	-10.4
Jepun	59,934.6	64,216.7	-6.7
Thailand	51,693.3	52,617.5	-1.8
India	34,841.3	33,210.5	4.9
Taiwan	33,606.1	30,196.7	11.3
Viet Nam	31,481.0	31,434.4	0.1
ROK	30,510.6	31,038.3	-1.7

JADUAL 6: BARANGAN UTAMA IMPORT

Barangan	November 2019 ^p	Oktober 2019 ^p	November 2018 ^f	Perubahan m-o-m	Perubahan y-o-y
	RM Juta	RM Juta	RM Juta	%	%
Jumlah Import	74,261.3	73,268.2	77,046.3	1.4	-3.6
Barangan E&E	21,575.8	21,877.3	22,055.4	-1.4	-2.2
Keluaran Petroleum	8,734.7	6,411.2	9,809.5	36.2	-11.0
Kimia & Bahan Kimia	6,701.9	6,470.7	7,044.4	3.6	-4.9
Jentera, Kelengkapan & Peralatan	5,703.8	5,681.3	6,173.1	0.4	-7.6
Barangan Perkilangan Logam	4,494.9	5,199.2	4,030.2	-13.5	11.5
Kelengkapan Pengangkutan	3,779.7	3,286.8	4,130.7	15.0	-8.5
Barangan Besi & Keluli	2,545.5	2,971.6	2,662.4	-14.3	-4.4
Barangan Optik & Sainifik	2,201.4	2,172.7	1,940.4	1.3	13.4
Barangan Makanan Diproses	1,895.3	1,722.3	1,780.2	10.0	6.5
Tekstil, Pakaian & Kasut	1,494.6	1,321.3	1,368.7	13.1	9.2

JADUAL 7: SUMBER UTAMA IMPORT

Sumber	November 2019 ^p	Oktober 2019 ^p	November 2018 ^f	Perubahan m-o-m	Perubahan y-o-y
	RM Juta	RM Juta	RM Juta	%	%
Jumlah Import	74,261.3	73,268.2	77,046.3	1.4	-3.6
China	16,572.0	13,872.1	14,863.9	19.5	11.5
Singapura	8,353.4	9,083.6	9,188.0	-8.0	-9.1
AS	6,367.9	6,258.6	5,486.3	1.7	16.1
Jepun	5,635.3	5,601.5	5,497.6	0.6	2.5
Taiwan	4,795.7	4,643.1	5,398.0	3.3	-11.2
Thailand	3,604.6	3,888.1	4,192.2	-7.3	-14.0
ROK	3,288.6	3,132.9	3,466.5	5.0	-5.1
Indonesia	3,131.1	3,655.9	3,717.9	-14.4	-15.8
India	2,286.5	2,356.9	2,799.9	-3.0	-18.3
Emiriah Arab Bersatu	2,070.5	1,359.6	947.2	52.3	118.6

JADUAL 8: BARANGAN UTAMA IMPORT (JANUARI - NOVEMBER)

Barangan	Jan-Nov 2019 ^p	Jan-Nov 2018 ^f	Perubahan
	RM Juta	RM Juta	%
Jumlah Import	775,187.1	806,647.1	-3.9
Barangan E&E	224,626.5	240,412.3	-6.6
Kimia & Bahan Kimia	74,970.2	75,988.2	-1.3
Keluaran Petroleum	70,762.5	79,715.0	-11.2
Jentera, Kelengkapan & Peralatan	63,742.3	67,575.5	-5.7
Barangan Perkilangan Logam	42,831.5	42,142.0	1.6
Kelengkapan Pengangkutan	37,433.7	41,643.7	-10.1
Barangan Besi & Keluli	28,584.0	28,578.6	0.02
Petroleum Mentah	22,506.6	19,755.5	13.9
Barangan Optik & Saintifik	22,042.9	21,427.2	2.9
Barangan Makanan Diproses	18,500.8	18,099.0	2.2

JADUAL 9: SUMBER UTAMA IMPORT (JANUARI - NOVEMBER)

Sumber	Jan-Nov 2019 ^p	Jan-Nov 2018 ^f	Perubahan
	RM Juta	RM Juta	%
Jumlah Import	775,187.1	806,647.1	-3.9
China	159,633.0	159,934.0	-0.2
Singapura	82,329.4	95,460.8	-13.8
AS	62,896.7	59,193.1	6.3
Jepun	57,353.0	58,483.9	-1.9
Taiwan	52,251.8	58,408.6	-10.5
Thailand	40,727.3	44,464.6	-8.4
ROK	35,750.3	36,157.3	-1.1
Indonesia	35,369.7	37,319.7	-5.2
Jerman	24,603.4	24,267.1	1.4
India	21,857.4	24,195.3	-9.7

Sumber : Jabatan Perangkaan, Malaysia

Disediakan oleh: MATRADE

Nota:

p - data provisional

f – data muktamad

CARTA 1: PERDAGANGAN LUAR MALAYSIA BULANAN, 2013 – NOVEMBER 2019

